Soalan Lazim (FAQs)

1. **Apakah itu e-invoice?**
   E-Invois ialah transaksi elektronik antara pembekal (contohnya, IWK) dan pembeli (pelanggan IWK), yang memerlukan pengesahan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebelum dikeluarkan kepada pelanggan.

   Pelaksanaan inisiatif e-Invois bertujuan untuk menggantikan bil bercetak dengan invois elektronik dalam format PDF seperti bil pembetungan, invois, nota kredit, nota debit, dan nota bayaran balik.

   E-Invois, seperti yang digariskan oleh LHDNM, menawarkan pelbagai manfaat termasuk meningkatkan kecekapan perniagaan, mengurangkan usaha manual dan ralat manusia, mempermudahkan pemfailan cukai, serta pendigitalan pelaporan cukai dan kewangan. Untuk maklumat lanjut mengenai e-Invois, sila layari laman web LHDNM di www.hasil.gov.my/en/e-invoice.

2. **Apakah perbezaan antara e-Bil and e-Invois?**
   Walaupun kedua-duanya merupakan kaedah pengebilan elektronik, e-Invois ialah jenis bil elektronik khusus yang dikeluarkan oleh IWK dan melalui proses pengesahan menerusi portal kerajaan sebelum dihantar kepada pelanggan. Kod QR akan dimasukkan dalam bil pembetungan atau bil bukan pembetungan, yang menyediakan pautan terus kepada e-Invois yang telah disahkan di Portal myInvois LHDNM.

3. **Adakah saya memerlukan e-Invois sebagai dokumen sokongan jika ingin menuntut potongan cukai atau pelepasan cukai?**
   Ya, e-Invois diperlukan sebagai bukti untuk menuntut potongan cukai atau pelepasan cukai.

4. **Siapa yang perlu mendaftar untuk e-Invois?**
   Semua pelanggan IWK boleh mendaftar untuk menerima e-Invois, sama ada berkaitan dengan perkhidmatan pembetungan atau perkhidmatan bukan pembetungan.

5. **Bagaimanakah cara mendaftar untuk e-Invois bagi pelanggan pembetungan?**
   Berikut adalah langkah-langkah untuk mendaftar e-Invois melalui Portal Pendaftaran e-Invois IWK:

   a) Layari laman web IWK di iwk.com.my. Klik ikon "IRB e-Invoicing" di bahagian bawah laman web dan anda akan dibawa ke Portal Pendaftaran e-Invois IWK.
   https://www.iwk.com.my/

b) Daftarkan alamat e-mel anda di bahagian "Pendaftaran". Masukkan alamat e-mel anda dan klik "Seterusnya". Sistem akan menghantar kata laluan sementara ke alamat e-mel yang didaftarkan. Gunakan kata laluan sementara ini bersama alamat e-mel anda untuk log masuk.

• Sahkan alamat e-mel anda.





c) Pilih jenis perkhidmatan

- Pilih jenis perkhidmatan anda: perkhidmatan pembetungan atau perkhidmatan bukan pembetungan.
- Klik “Sewerage Services Customer” untuk bil pembetungan.
- Klik “Other Customer (Non-Sewerage Customer)” untuk bil selain pembetungan (contohnya, yuran hazop, yuran latihan, sewa ruang, sewa menara telekomunikasi, dan lain-lain).

d) Pilih Jenis Akaun

- Adakah anda mendaftar untuk menerima e-Invois bagi syarikat atau individu?
- Jika mendaftar bagi pihak syarikat, pilih pilihan "Komersial". Anda perlu mengisi butiran perniagaan seperti BRN, TIN, SST, nombor telefon, dan lain-lain.
- Jika mendaftar sebagai individu, pilih pilihan "Individu". Anda perlu mengisi butiran peribadi seperti NRIC, TIN, nombor telefon, dan lain-lain.

e) Masukkan Nombor Akaun Pembetungan (SAN)

- Isi nombor SAN dan lakukan pengesahan.



f) Semak nama dan alamat hartanah/alamat surat-menyurat berdasarkan bil terkini.

- Sekiranya maklumat tersebut adalah betul, sila klik "Add" untuk meneruskan.
- Sekiranya maklumat tersebut tidak betul, sila klik pautan untuk kemaskini rekod anda.



g) Masukkan maklumat e-Invois

- Isi butiran yang diperlukan.

h) Persetujuan terhadap Terma dan Syarat

- Bersetuju dengan Terma dan Syarat e-Invois.

i) Hantar Pendaftaran

- Hantar maklumat anda untuk pendaftaran e-Invois.

j) Terima Notifikasi

- Notifikasi akan dipaparkan di skrin pada akhir proses pendaftaran untuk mengesahkan bahawa data anda telah berjaya didaftarkan dalam pangkalan data kami. Notifikasi e-mel juga akan dihantar ke alamat e-mel yang telah didaftarkan.



6. Apakah maklumat dan dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran?

Selaras dengan peraturan yang ditetapkan oleh LHDNM, pelanggan yang ingin menerima e-Invois perlu menyediakan maklumat berikut:

a) Individu

- Nama (Nama penuh seperti dalam dokumen pengenalan/pasport)
- Nombor Pengenalan Cukai (TIN)
- Nombor MyKad / MyTentera / Pasport / MyPR / MyKAS
- Alamat Kediaman
- Nombor Telefon
- Alamat E-mel
- Nombor Pendaftaran SST (jika berkenaan)

b) Komersial
- Nama Perniagaan Berdaftar
- Nombor Pengenalan Cukai (TIN)
- Nombor Pendaftaran Perniagaan (BRN)
- Alamat Perniagaan
- Nombor Telefon
- Alamat E-mel
- Nombor Pendaftaran SST

7. Apakah yang perlu saya lakukan jika akaun IWK tidak didaftarkan atas nama saya? Sebagai contoh, jika akaun masih berdaftar atas nama pemilik terdahulu, ahli keluarga yang telah meninggal dunia, atau jika saya adalah penyewa, bagaimana saya boleh memberikan maklumat yang diperlukan?

Jika akaun IWK tidak didaftarkan atas nama anda, anda perlu memohon untuk menukar nama pemilik akaun terlebih dahulu melalui proses e-Submission sebelum meneruskan pendaftaran e-Invois.

Untuk maklumat lanjut, sila layari https://customerportal.iwk.com.my/e-submission



8. Jika saya adalah penyewa, bolehkah saya memohon e-Invois untuk bil pembetungan saya?
Ya, sama ada pemilik hartanah atau penyewa boleh memohon e-Invois.

9. Bagaimana saya boleh mengemas kini peranan saya untuk akaun yang telah didaftarkan bagi e-Invois sebelum ini?
a) Log masuk ke portal e-Invoice di https://einvoicing.iwk.com.my.
b) Pergi ke bahagian "Sejarah Pendaftaran e-Invois".
c) Klik butang Edit.
d) Pilih jenis pemilikan yang sesuai (Pemilik atau Penyewa) dan simpan perubahan anda.

10. Bagaimana saya boleh mendaftar untuk e-Invois?
Anda boleh melayari Portal Pengumpulan Data e-Invoicing IWK di https://einvoicing.iwk.com.my/. Sila ambil maklum bahawa pemprosesan dokumen e-Invois hanya akan bermula selepas semua butiran yang diperlukan telah dihantar sepenuhnya. Penghantaran yang tidak lengkap akan menyebabkan kelewatan.

11. **Apakah Nombor Pendaftaran Perniagaan (BRN)?**
    Nombor Pendaftaran Perniagaan (BRN) ialah nombor unik yang digunakan untuk mengenal pasti syarikat berdaftar dan dicetak pada sijil pemerbadanan (Borang 9) dengan 12 aksara digit.

12. **Apakah Nombor Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)?**
    Nombor Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) ialah nombor pengenalan unik yang diberikan kepada syarikat atau individu yang berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

13. **Apakah Nombor Pengenalan Cukai (TIN)?**
    Nombor Pengenalan Cukai (TIN), juga dikenali sebagai Nombor Cukai Pendapatan, ialah nombor pengenalan unik yang diberikan kepada individu dan entiti perniagaan yang berdaftar sebagai pembayar cukai dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

14. **Bagaimana saya boleh mendapatkan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) untuk pendaftaran e-Invois?**
    Nombor Pengenalan Cukai (TIN) boleh diperoleh melalui:
    a) Portal MyTax di https://mytax.hasil.gov.my
    b) Talian HASiL Care Line di 03-8911 1000
    c) HASiL Live Chat
    d) Mengunjungi cawangan HASiL terdekat

15. **Siapakah yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan mengenai permohonan e-Invois?**
    Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan di talian 03-20832828 atau emel kepada care@iwk.com.my

16. **Bagaimanakah saya akan menerima e-Invois yang telah disahkan?**
    Notifikasi e-mel akan dihantar ke alamat e-mel berdaftar yang diberikan semasa proses pendaftaran e-Invois. e-Invois yang mengandungi kod QR dalam bil pembetungan atau invois bukan pembetungan akan dilampirkan dalam e-mel tersebut. Sila semak peti masuk e-mel anda. Jika tidak tersedia, sila semak folder spam/junk.



Notis Pemakluman e-Invoice Berjaya

Pelanggan yang Dihormati,

Adalah dimaklumkan bahawa pendaftaran anda untuk e-invoice telah berjaya diproses dan dijana.

Butiran e-Invois Anda:

1. Nombor Invois
2. Tarikh Bil:
3. Jumlah Perlu Dibayar:

Bil e-Invois anda dilampirkan bersama e-mel ini.

Untuk pembayaran, sila lawati https://customerportal.iwk.com.my/pay_bill.

Yang benar,
INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD

Please consider the environment before printing this e-mail

This email (including any attachment hereto) is intended solely for the addressee and is confidential and privileged. If this should have been sent to you in error, you are not to reproduce, distribute or take any action in reliance on it. Please notify us and delete the e-mail and all attachments immediately. As e-mail and/or attachment may contain viruses and other interfering or damaging elements, the receipt and/or downloading of e-mail and/or attachments will be at your own risk. Our company accepts no liability for the content of this email or for the consequences of any actions taken on the basis of the information provided, unless otherwise expressly stated therein.

17. **Bilakah pelanggan boleh menjangkakan penerimaan e-Invois bagi bil pembetungan?**
    IWK akan mula mengeluarkan e-Invois individu yang telah disahkan untuk bil pembetungan bermula 1 Februari 2025. e-Invois bil pembetungan akan dikeluarkan selepas pendaftaran e-Invois berjaya.

18. **Jika saya mendaftar untuk e-Invois pada Mac 2025, bolehkah saya meminta e-Invois bagi bulan sebelumnya seperti Januari 2025 dan Februari 2025?**
    Tidak, anda tidak boleh menerima e-Invois bagi bulan sebelum tarikh pendaftaran anda. e-Invois hanya akan tersedia bermula bulan berikutnya selepas pendaftaran anda berjaya.

19. **Bolehkah saya mengemas kini alamat e-mel saya selepas pendaftaran e-Invois?**
    Ya, anda boleh mengemas kini alamat e-mel dengan log masuk ke portal e-Invois dan mengemas kini butiran pendaftaran anda.

20. **Bolehkah saya membatalkan atau berhenti melanggan pendaftaran e-Invois?**
    Ya, jika anda tidak lagi ingin menerima e-Invois, anda boleh berhenti melanggan dengan menghubungi khidmat pelanggan. Sila maklum bahawa pembatalan ini mungkin akan memberi kesan kepada proses pengebilan anda serta penghantaran dokumen berkaitan cukai.

21. **Adakah saya masih akan menerima bil bercetak atau e-Bill jika saya mendaftar untuk e-Invois?**
    Ya, anda masih akan menerima bil bercetak atau e-Bill walaupun selepas mendaftar untuk e-Invois**.**

22. Apakah yang perlu saya lakukan jika e-Invois saya ditolak oleh LHDN berdasarkan notifikasi e-mel yang diterima?

a) Notifikasi e-mel akan dihantar ke alamat e-mel berdaftar dengan butiran mengenai sebab penolakan**.**



Invalid E-Invoice Download

Invalid E-Invoice

IWK E-Invoice Middleware
To: devgrp.vincent@gmail.com
Cc: devgrp.vincent@gmail.com

Notification of Unsuccessful e-Invoice Registration

Dear Valued Customer,

We regret to inform you that your e-Invoice submission to the **Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)** has been rejected due to the following reason(s):

Rejection due to: [Step05-Invalid Taxpayer Profile Validator, TIN and identity type combination is invalid. (Path:document.Invoice.AccountingCustomerParty.Party.PartyIdentification.ID)]

Please log in to the e-Invoice portal at https://einvoicing.iwk.com.my/ to review and correct any discrepancies in your submission.

Once corrected, you can resubmit your e-Invoice details through the portal.

For further clarification regarding the rejection, we advise you to directly contact LHDN for more details.

Yours sincerely,
INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD

b) Klik pautan yang diberikan dalam e-mel atau log masuk ke portal e-Invois di https://einvoicing.iwk.com.my.

c) Seterusnya, ke bahagian “Transaksi Pendaftaran e-Invois” di bahagian atas skrin anda

d) Klik butang edit untuk mengemas kini maklumat peribadi/perniagaan anda berdasarkan sebab penolakan yang dinyatakan.

e) Pastikan semua maklumat dikemas kini dengan betul sebelum menghantar semula untuk pengesahan



PEGAWAI YANG BERKUASA UNTUK e-INVOIS
AUTHORISED PERSON FOR e-INVOICING

Nama* *Name*
Jawatan kerja* *Job Title*
Telefon* *Mobile*
Emel* *Email*

e-Invois anda telah dikemaskini.

23. Adakah saya akan menerima e-Invois bagi bil pembetungan yang dikeluarkan pada Julai 2025 selepas mengemas kini maklumat saya di portal IWK?

Ya, anda akan menerima e-Invois bagi Julai 2025 dengan syarat:
(a) Maklumat yang dikemas kini di portal IWK adalah tepat dan sepadan dengan rekod LHDN.
(b) Maklumat telah dikemas kini sebelum akhir Julai 2025.

Sekiranya maklumat dikemas kini pada bulan berikutnya (Ogos 2025 atau lebih lewat), anda mungkin tidak dapat menerima e-Invois bagi bulan sebelumnya.